

IKRAR INTEGRITI, UNIT INTEGRITI UNIVERSITI AWAM & SWASTA



Kami, pegawai-pegawai Unit Integriti di Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Pahang dan Universiti DRB-Hicom, mengaku dan berikrar bahawa:

- Kami akan sentiasa melaksanakan tugas dengan berintegriti, amanah, beretika, cekap dan bertanggungjawab;
- Kami akan berperang menghapuskan mana-mana perkara salah termasuk amalan rasuah dan salah guna kuasa dengan mana-mana pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung;
- Sekiranya ada sebarang perlakuan rasuah atau salah guna kuasa yang mempunyai bukti kukuh daripada mana-mana pihak, kami akan membuat aduan segera ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- Kami tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjelaskan integriti ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses kerja di Universiti;
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan kepentingan semasa kami melaksanakan tugas, kami akan memaklumkan dengan segera kepada Ketua Jabatan kami serta akan mengecualikan diri kami daripada turut sama membuat sebarang keputusan mahupun mempengaruhi sebarang keputusan;
- Kami tidak akan, sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen, melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau Kanun Keseksyen;
- Kami akan bersama-sama dengan rakan kolaborasi Universiti, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran Universiti yang bebas daripada rasuah;
- Kami akan mendukung Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat di Malaysia; dan
- Kami akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan rasuah dan menyalahi undang-undang yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej Universiti.

Universiti Putra Malaysia

Universiti Malaysia Perlis

Universiti Utara Malaysia

Universiti Malaysia Pahang

Universiti Malaya

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Universiti Sains Islam Malaysia

BERTARIKH : 14 APRIL 2017

Universiti Malaysia Kelantan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Sultan Zainal Abidin

Universiti Sains Malaysia

Universiti Malaysia Terengganu

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Universiti Teknologi Malaysia

Universiti Malaysia Kelantan

Universiti DRB-Hicom

Disaksikan Oleh,

Ketua Unit Integriti KPT